

29/02/2004

Muzium keagungan Melaka

Shukor Kasim

JIKA berkunjung ke Melaka Bandaraya Bersejarah Negeri Berbudaya, anda disyorkan melawat Kompleks Muzium Maritim milik Perbadanan Muzium Melaka (Perzim) di

Jalan Quayside, Bandar Hilir.

Ini kerana kompleks yang menempatkan empat muzium iaitu Muzium Samudera 1, Muzium Samudera II, Muzium Tentera Laut Malaysia (TLDM) dan Muzium Ex-KD Sri Terengganu, memberi banyak maklumat mengenai sejarah samudera dan tokoh pelayar.

Muzium Samudera 1 adalah sebuah replika kapal Portugis-Flor De La Mar, yang dibina pada 1990. Ia mula dibuka kepada orang ramai selepas dirasmikan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad pada 13 Jun 1994.

Terletak di tepi muara Sungai Melaka dan berdepan dengan Medan Samudera, reka bentuk replika Flor De La Mar sentiasa menjadi perhatian pelawat kerana dibina dengan ketinggian 34 meter tinggi, 36 meter panjang dan 8 meter lebar.

Berdasarkan fakta sejarah, Flor De La Mar mampu membawa 600 orang dan 500 tan muatan pada satu-satu masa pada zaman kegemilangannya. Bagaimanapun, tarikh dan tempat asal pembinaan kapal itu tidak diketahui dan ia dipercayai karam di Selat Melaka pada 26 Jun 1512 ketika pelayaran balik ke Goa, India.

Objektif pembinaannya menggambarkan peranan Melaka sebagai pusat perdagangan masa lampau, perkembangan kegiatan maritim sejak Tanah Melayu dijumpai, perkembangan dan kemajuan Kesultanan Melayu Melaka, penjajahan Portugis, Belanda dan Inggeris.

Bahan yang dipamerkan di muzium ini merangkumi gambar, replika dan model membabitkan empat era iaitu kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka sejak kurun ke 15 hingga tahun 1511, Portugis (1511-1641), Belanda (1641-1765) dan Inggeris (1795-1941).

Antara model menarik yang boleh disaksikan pelawat ialah kapal Melayu, Jong Cina, kapal Aceh, kapal dagang India, Portugis, Belanda dan Inggeris.

Malah, pengunjung berpeluang menatap peta bandar Melaka, kubu pertahanan Portugis di Kota Melaka dan Pulau Jawa, Asia Tenggara pada 1568 Masihi yang dilukis secara lakaran tangan.

Muzium Samudera II pula terletak di bangunan gudang lama Guthrie yang dibaik pulih Jabatan Kerja Raya (JKR) dan bersebelahan kapal Fla De La Mar serta pembikinannya ialah kesinambungan penubuhan Muzium Samudera 1 dan mula dibuka kepada pengunjung pada 23 Mei 1998.

Menurut Pengarah Perbadanan Muzium Melaka (Perzim), Dr Badriyah Salleh, berbanding Muzium Samudera 1, pembinaan Muzium Samudera II bertemakan 'Alam Samudera dan Kemanusiaan'.

Beliau berkata, tema itu membawa maksud bagaimana manusia menilai kepentingan samudera serta memanfaatkannya.

Katanya, muzium itu memberi tumpuan kepada evolusi kehidupan manusia khususnya di alam Melayu dengan terdapat satu sudut dinamakan Galeri Alam Tradisi bagi mengimbau konsep penciptaan samudera dari perspektif Islam dan pencipta-Nya.

"Ia diikuti penjelajahan mencari dunia baru melalui penerokaan dengan penampilan tokoh terkenal seperti Ibn Battuta, Hang Tuah, Panglima Awang serta Magellan.

"Muzium ini turut dilengkapi dengan kekayaan sumber alam melalui

Galeri Khazanah Dari Laut yang memaparkan usaha manusia menguasai ekonomi, politik dan sosial dan dimanifestasikan melalui diorama kapal karam," katanya.

Katanya, antara objektif penubuhannya memaparkan perjuangan dan kegigihan tentera laut Malaysia, menyebarkan maklumat terkini kerjaya TLDM, memberi pendedahan kepada orang ramai peralatan TLDM dan kepentingannya dalam era teknologi moden.

"Antara bahan yang dipamerkan adalah sejarah penubuhan, panglima, pembangunan, kegiatan dan persenjataan," katanya.

Bagaimanapun, katanya, pada ketika ini, muzium ini ditutup buat sementara kepada pengunjung bagi melaksanakan kerja membaik pulih di beberapa bahagian struktur bangunan.

Menurutnya, Muzium TLDM juga dilengkapi dengan Muzium Ex-KD Sri Terengganu iaitu kapal ronda yang ditauliahkan pada 16 Disember 1963 dengan sudah beroperasi selama 31 tahun dan belayar sejauh 68,926 batu nautika di bawah pimpinan 24 pegawai memerintah.

"Kapal ini turut mencatat sejarah unik iaitu terbabit dalam menjaga keamanan ketika konfrontasi Indonesia dan operasi rondaan di pantai timur Semenanjung Malaysia," katanya.